

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 10 MARCH 2015   |



KERATAN muka depan Utusan Malaysia keluaran semalam.

Ada 'permainan teknologi' di sebalik kehilangan MH370

# Tenggelmkan pesawat tidak masuk akal - Dr. M

UM - 10/3/2015

Oleh THOMAS CHONG  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 9 MAC

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, teori yang mengatakan bahawa juruterbang sengaja menenggelmkan pesawat Malaysia Airlines (MAS), MH370 di selatan Lautan Hindi adalah tidak masuk akal.

Negarawan itu sebaliknya khuatir kehilangan pesawat Boeing 777 itu pada tahun lalu adalah disebabkan 'permainan teknologi'.

Beliau menjelaskan, spekulasi bahawa juruterbang menerbangkan pesawat MH370 ke Lautan Hindi untuk menenggelmkannya adalah tidak logik kerana juruterbang tidak perlu menunggu sehingga lima jam untuk berbuat demikian.

"Saya tahu terdapat pihak yang mengatakan bahawa juruterbang memilih untuk membawa pesawat ke kawasan lautan yang paling dalam dan menenggelmkan kapal terbang secara perlahan-lahan supaya badan pesawat tidak pecah.

"Ini agak pelik kerana jika juruterbang mahu bunuh diri, dia boleh berbuat demikian sejak awal lagi. Dia



**Spekulasi bahawa juruterbang menerbangkan pesawat MH370 ke Lautan Hindi untuk menenggelmkannya adalah tidak logik kerana juruterbang tidak perlu menunggu sehingga lima jam untuk berbuat demikian."**

**MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Perdana Menteri

tidak perlu menunggu lima jam dan mencari tempat yang elok untuk menenggelmkan pesawat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Orde Baharu Dunia anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir

berkata, adalah tidak logik jika kapal terbang seberat 230 tan tidak pecah jika terjatuh ke dalam laut dari langit.

"Kemajuan teknologi komunikasi membolehkan wajah manusia dilihat dengan jelas walaupun orang itu berada di tempat yang amat jauh, tetapi pesawat MH370 hilang secara misteri.

"Kejadian seperti ini tidak pernah terjadi dalam sejarah dunia, saya khuatir ada 'permainan teknologi' dalam kejadian ini," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Dr. Mahathir mempersoalkan kenapa tuduhan dilakukan ke atas Rusia sebaik sahaja sebuah lagi pesawat MAS, MH17 ditembak jatuh dari ruang udara Ukraine.

"Apa bukti yang menunjukkan pesawat MH17 ditembak oleh Rusia? Sehingga hari ini, kita tidak tahu tentang kandungan kotak hitam pesawat ini manakala bangkai pesawat juga tidak dibawa pulang ke Malaysia.

"Kenapa bangkai pesawat kita dibawa ke Belanda? Adakah kerana mahu menentukan bukti bahawa Rusia menembak jatuh pesawat MH17 supaya sekatan boleh dilakukan?" katanya lagi.